

|           |                   |
|-----------|-------------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA   |
| Date      | 28 SEPTEMBER 2016 |

## Mahathir bakal tadbir negara seperti Mao

**KUALA LUMPUR 27 Sept.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad didakwa bakal mentadbir negara ini sebagaimana pengerusi pertama Parti Komunis China, Mao Tze Tung atau Mao Zedong.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak (**gambar**) berkata, perkara itu akan terjadi apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak disingkirkan dan Barisan Nasional (BN) gagal memperoleh mandat pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) sebagaimana matlamat penubuhan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

"Dr. Mahathir akan menamakan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri, tetapi

adakah itu bermaksud anak beliau Datuk Seri Mukhriz tidak boleh dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri.



"Muhyiddin sebenarnya hanya bakal menjadi Perdana Menteri sementara sahaja," katanya menerusi blog beliau hari ini.

Menurut Salleh, Dr. Mahathir juga mengesahkan bahawa apa yang beliau katakan pada 2008 di Petaling Jaya bahawa Perdana Menteri perlu dipandu oleh sebuah jawatankuasa akan terjadi.

Ini kerana, kata Salleh, Dr. Mahathir hari ini dilaporkan berkata walaupun Muhyiddin menjadi Perdana Menteri dan Presiden PPBM, parti tersebut tetap mempunyai Pengerusi.

"Ini membayangkan jika



*Umm - 28/9/2016*

**Dr. Mahathir akan menamakan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri, tetapi adakah itu bermaksud anak beliau Datuk Seri Mukhriz tidak boleh dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri."**

**SALLEH SAID KERUAK**  
Menteri Komunikasi dan Multimedia

Muhyiddin menjadi Perdana Menteri dia perlu merujuk kepada Pengerusi iaitu Dr. Mahathir sebelum membuat apa-apa keputusan," jelasnya.